



**UCAPAN  
MAJLIS PERJUMPAAN Pengerusi BERSAMA  
Ahli Kelab 2000 Negeri Kedah**

**OLEH  
YG. BHG. TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK  
Pengerusi RISDA**

TEMPAT: SUNGAI PETANI, KEDAH  
TARIKH : 28 JUN 2008  
MASA : 3.00 PETANG

**Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis**

**Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah RISDA (Pengurusan & Korporat)  
Mewakili Ketua Pengarah RISDA**

**Yang Di hormati En. Azmi bin Mohamad  
Pengarah RISDA Negeri Kedah**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Merbok**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Jerai**

**Yang  
Pegawai Daerah**

**Ketua Polis Daerah**

3

**Penghulu Mukim Gurun**

**Pegawai-Pegawai RISDA**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian**

4

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita berkumpul pada hari ini untuk Majlis Perjumpaan bersama Ahli-ahli Kelab 2000 Negeri Kedah. Saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita. Kesihatan adalah amat penting kerana 'Badan yang cergas

5

akan menghasilkan minda yang cergas' dan minda yang cergas akan menghasilkan minda kelas pertama, insyaAllah.

Setinggi penghargaan kepada RISDA khususnya RISDA Negeri Kedah kerana mengaturkan satu Majlis seumpama ini supaya saya dapat berjumpa dengan pekebun kecil di lapangan yang menjadi kumpulan sasar RISDA.

6

## **2. PENUBUHAN KELAB 2000 DAN KELAB 30**

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah dan Kelab 30 untuk sawit bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practices) untuk meningkatkan produktiviti getah dan sawit. Tuan-tuan dan Puan-puan yang berjaya mencapai penghasilan yang tinggi diterima menjadi ahli kelab 2000 bagi getah dan Kelab 30 bagi sawit.

7

Setakat ini, seramai **1,716** orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun untuk getah. Manakalan untuk sawit, seramai **81** orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun. Pada tahun 2008, RISDA mensasarkan seramai 2,500 orang pekebun kecil akan menjadi Ahli.

### **2.0 Insentif kepada Ahli Kelab**

Ahli Kelab diberi beberapa insentif dan kemudahan yang disediakan oleh RISDA. Antaranya adalah seperti berikut:

8

- i. Diberi keutamaan untuk menyertai seminar, bengkel atau sebagainya yang dianjurkan oleh RISDA.
- ii. Berpeluang untuk menyertai program lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berfaedah.
- iii. Diberi keutamaan untuk membeli benih-benih tanaman baru yang disediakan oleh RISDA
- iv. Memberi peluang untuk menerima anugerah sebagai pekebun kecil dan ahli kelab terbaik. Saya difahamkan seorang ahli Kelab 2000 dari Sungai Petani ini iaitu En. Abdul Hamid bin Abdul telah menerima Anugerah

9

Pengeluar Hasil getah tertinggi individu peringkat kebangsaan. Syabas dan tahniah!

- v. Menjadi tenaga pengajar kepada peserta kursus teknologi anjuran RISDA yang dijalankan di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK).
- vi. Memberi kemudahan untuk mengadakan R & D di kebun mereka
- vii. Memberi keutamaan menerima apa-apa bantuan yang disediakan oleh RISDA
- viii. Mewar-warkan kejayaan mereka dalam media RISDA

#### **4.0 PELAKSANAAN IMPIAN 500**

Mulai tahun 2008, RISDA telah mewajibkan kepada semua pekebun kecil yang akan menanam semula kebun mereka dengan tanaman getah dikehendaki menanam pokok getah dengan bilangan melebihi 550 pokok setiap hektar. Tindakan seumpama ini penting bagi memastikan supaya kebun-kebun tersebut mengadungi bilangan pokok tidak kurang daripada 500 pokok ketika mula membuka tapak torehan atau bila dibayar bantuan terakhir.

11

Jika berlaku kekurangan dalam tempoh tersebut, RISDA akan membantu pekebun kecil supaya menyulam pokok yang mati dengan pokok yang lain. Bilangan pokok getah dalam sesebuah kebun penting kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kepada jumlah produktiviti atau pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah kebun berkenaan.

#### **5.0 INSENTIF UNTUK PROJEK BERKUMPULAN**

Beberapa insentif disediakan kepada pekebun kecil yang ingin menyertai program tanam semula secara berkumpulan. Antara

12

insentif-insentif yang akan diberikan kepada peserta projek berkelompok ialah:

- i. Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan secara subsidi kepada peserta projek.
- ii. Bantuan tanah kosong sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dan kedudukannya dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.

- iii. Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan kepada Jawatankuasa Projek dan beberapa orang peserta yang terpilih.
- iv. Urusan jualan produk akan diselaraskan secara sistem tender yang diuruskan melalui depo belian atau Pusat Timbang dan Setor.
- v. Bantuan tabung pelancaran akan diberikan kepada Jawatankuasa Projek. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dapat dibangunkan.

- vi. Bantuan bayaran premium tanah bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.
- vii. Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti getah

## **6.0 PEMBEKALAN BENIH SECARA LEBIH BERKESAN**

RISDA telah merancang dan melaksanakan penyediaan benih melalui tapak semaian *transit* dan *in-situ* yang kedudukannya jauh daripada tapak semaian pusat. Tumpuan diberikan kepada kawasan yang banyak bertanam

15

dengan getah. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan benih dan secara langsung akan dapat mengurangkan harga benih kepada pekebun kecil. Tapak semaian seumpama itu juga akan memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk mendapatkan benih sulaman atau gantian dan keperluan lain yang kuantitinya tidak banyak.

16



## **7.0 PEMBEKALAN BAJA BERKUALITI**

RISDA telah mengenalpasti dan akan melaksanakan beberapa pendekatan untuk memastikan pengesyoran pembajaan kepada pekebun kecil lebih teratur dan berkesan dari segi:

- a. Mengubahsuai dan mewujudkan formulasi baja baru untuk tanaman getah dan sawit mengikut kesesuaian tanah bagi pembekalan kepada pekebun kecil. Terdapat 10 jenis formulasi baja baru yang telah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal Baja

17

RISDA untuk kegunaan pekebun kecil mulai tahun 2008.

- b. Mewujudkan kawalan kualiti baja yang lebih ketat dengan mengambil persampelan 5 kampil baja bagi setiap 1,000 kampil baja yang dihantar ke Pusat Tanggungjawab untuk di analisa oleh ERAS.

## **8.0 Program Pengendalian Pengeluaran Getah (PPG)**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, salah satu usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil adalah memastikan hasil getah dikeluarkan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu

18

Program Pengekalan Pengeluaran Getah (PPG) telah diperkenalkan oleh RISDA pada tahun 2005 supaya pekebun kecil dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti getah ke tahap minimum 2000 kg sehektar setahun melalui amalan teknologi terkini. Input Pertanian yang dibekalkan termasuk baja, racun rumpai, etefon/Mortex dan RRIMFlow/G-Flex. PPG di laksanakan supaya pekebun kecil :

- i. Memulihkan kebun getah matang yang tidak terurus mengikut amalan agronomi yang baik supaya menjadi produktif.

19

- ii. Memastikan kebun getah matang tidak terbiar ditoreh atau ditoreh semula.
- iii. Memastikan kebun getah matang yang menyertai PPG terus ditoreh dan diurus mengikut amalan agronomi yang baik.
- iv. Meningkatkan kecekapan dan produktiviti kebun getah matang ke tahap minimum 2000 kg/hektar/tahun.

20

## **8.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA Kedah kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Kedah untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**